



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU
PERLIS**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada Anak Negeri Perlis yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis;

BIL	Jawatan / Gred	Kumpulan Perkhidmatan	Taraf Jawatan	Gaji Minimum - Maksimum
1.	PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S1 (1 KEKOSONGAN)	PELAKSANA	KONTRAK INTERIM	RM1,500.00– RM4,680.00

1. JAWATAN: PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S1

Jabatan : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf Jawatan : Kontrak Interim (1 Kekosongan)

1. JADUAL GAJI GRED S 1

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar KGT
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

2. SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; serta
 - Lulus dalam subjek Bahasa Arab, Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,561.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,622.00).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujiaan (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

Menjalankan tugas-tugas berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Islam yang selaras dengan fungsi dan peranan MAIPs khususnya dalam Pengurusan Zakat Baitulmal dan Pentadbiran berkaitan.

- a) Menerima dan menguruskan agihan bahagian Zakat untuk amil-amil.
- b) Menerima dan memproses borang -borang Permohonan bantuan- Bantuan kecemasan untuk cadangan Agihan Zakat kepada golongan Asnaf
- c) Menerima dan memproses permohonan bantuan untuk aktiviti keagamaan.
- d) Membantu dan latihan kepada amil-amil.
- e) Membantu mengurus dan melaksanakan program promosi zakat dan majlis - majlis penerimaan dan agihan zakat MAIPs.
- f) Membantu melaksanakan program dan aktiviti MAIPs.
- g) Membuat syor dan cadangan bagi lantikan tukang / pembekal / kontraktor untuk kerja-kerja bantuan
- h) Membantu mengurus dan melaksanakan Program serta Projek Komersial.

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengisian Jawatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang boleh didapati melalui laman web rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis dengan melayari www.maips.gov.my dan kaunter pentadbiran ini.
2. Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungjawab calon.
4. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:
 - Gambar berwarna terkini berukuran pasport (tidak dikembalikan)
 - *Resume*
 - salinan *MyKad*
 - salinan sijil kelahiran
 - salinan kelulusan akademik (SPM)
 - salinan sijil berhenti sekolah dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan. **Semua salinan dokumen tersebut hendaklah ditandatangani dan diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 ke atas).**
5. Permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak Berjaya.
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
7. Sila tulis '**nama jawatan**' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.
8. Permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dialamatkan atau dihantar kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
NO. A2, TAMAN PENGKALAN ASAM
JALAN TUANKU SYED PUTRA
01000 KANGAR
PERLIS**

9. **TARIKH TUTUP IKLAN: 8 JUN 2026 (ISNIN)**



TARIKH IKLAN: 25 MEI 2026